

# Kebitaraan Kitab *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir* Sebagai Rujukan Primer Kerajaan Mamluk Era Sultan al-Zahir Baybars

**BITARA**

Volume 8, Issue 2, 2025: 227-240  
 © The Author(s) 2025  
 e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
 Received: 3 May 2025  
 Accepted: 22 May 2025  
 Published: 30 June 2025

## [The Significance of *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir* as a Key Source on the Mamluk Sultanate Under Sultan al-Zahir Baybars]

Mohammad Syafiie Musa<sup>1</sup>, Wan Kamal Mujani<sup>1</sup>, Ezad Azraai Jamsari,<sup>1\*</sup>  
 Napisah Karimah Ismail<sup>1</sup> & Noorsafuan Che Noh<sup>2</sup>

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

E-mail: P90056@siswa.ukm.edu.my, inawan@ukm.edu.my; ezad@ukm.edu.my;

2 Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

Email: noorsafuancn@unisza.edu.my

\*Corresponding Author: ezad@ukm.edu.my

### Abstrak

Kitab *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir* karya al-Qadi Muhy al-Din Ibn 'Abd al-Zahir merupakan sumber primer yang penting dalam kajian sejarah Kerajaan Mamluk, khususnya pada era pemerintahan Sultan al-Zahir Baybars. Kitab ini mencatatkan riwayat hidup, pentadbiran, dan peristiwa-peristiwa penting semasa pemerintahan Sultan Baybars, menjadikannya rujukan utama bagi sejarawan. Kajian ini bertujuan untuk menonjolkan nilai dan autoriti kitab ini sebagai sumber sejarah yang unggul. Tanpa kitab *al-Rawd al-Zahir*, maklumat tentang Sultan al-Zahir Baybars mungkin terhad atau bercampur dengan cerita rekaan, sehingga mengaburkan fakta sejarah sebenar. Selain itu, terdapat kecinciran dalam manuskrip asal kitab ini, yang memerlukan usaha untuk melengkapannya dengan merujuk kepada sumber-sumber lain. Kajian ini juga meneliti kelemahan dalam penulisan Ibn 'Abd al-Zahir, seperti bias terhadap Sultan dan ketidakstabilan dalam penyampaian maklumat. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kedudukan kitab *al-Rawd al-Zahir* sebagai sumber primer yang berautoriti bagi sejarah Kerajaan Mamluk. Menilai metodologi penulisan Ibn 'Abd al-Zahir dan sumber-sumber yang digunakannya. Mengenal pasti kelebihan dan kelemahan kitab ini sebagai rujukan sejarah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian sejarah. Data dikumpulkan melalui metode dokumentasi, dengan fokus pada analisis kandungan kitab *al-Rawd al-Zahir* dan perbandingan dengan karya-karya sejarawan lain seperti Shafi' Ibn 'Ali dan al-Qalqashandi. Metode analisis data meliputi analisis deskriptif dan interpretasi sejarah untuk memahami konteks dan ketepatan maklumat yang disampaikan.

**Key Words:** *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir*, mamluk, al-Zahir al-Baybars.

### Abstract

The book *Kitab al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir* by al-Qadi Muhy al-Din Ibn 'Abd al-Zahir is an important primary source in the study of Mamluk history, particularly during the reign of Sultan al-Zahir Baybars. This work documents the life, administration, and significant events of Sultan Baybars' rule, making it a key reference for historians. This study aims to highlight the value and authority of

this book as an exceptional historical source. Without *al-Rawd al-Zahir*, information about Sultan al-Zahir Baybars might be limited or mixed with fictional narratives, obscuring the true historical facts. Additionally, there are gaps in the original manuscript of this book, necessitating efforts to complete it by referring to other sources. This study also examines weaknesses in Ibn 'Abd al-Zahir's writing, such as his bias toward the Sultan and inconsistencies in presenting information. The objectives of this study are to analyze the position of *Kitab al-Rawd al-Zahir* as an authoritative primary source for Mamluk history. To evaluate Ibn 'Abd al-Zahir's writing methodology and the sources he used. To identify the strengths and weaknesses of this book as a historical reference. This research employs a qualitative approach with a historical study design. Data is collected through documentation methods, focusing on content analysis of *Kitab al-Rawd al-Zahir* and comparisons with the works of other historians such as Shafi' Ibn 'Ali and al-Qalqashandi. Data analysis methods include descriptive analysis and historical interpretation to understand the context and accuracy of the information presented.

**Key Words:** *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir, mamluk, al-Zahir al-Baybars.*



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

**Cite This Article:**

Mohammad Syafiie Musa, Wan Kamal Mujani, Ezad Azraai Jamsari, Napisah Karimah Ismail & Noorsafuan Che Noh. (2025). Kebitaraan Kitab *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir* Sebagai Rujukan Primer Kerajaan Mamluk Era Sultan al-Zahir Baybars [The Significance of *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir* as a Key Source on the Mamluk Sultanate Under Sultan al-Zahir Baybars]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(2): 227-240.

## Pengenalan

Kitab *al-Rawd al-Zahir* dihipotesiskan sebagai sumber yang kredibel dan komprehensif mengenai sejarah Sultan al-Zahir Baybars, meskipun terdapat beberapa kelemahan akibat kedekatan pengarang dengan Sultan. Karya ini dijangka memberikan gambaran yang lebih lengkap berbanding sumber-sumber sekunder yang lain. Hasil kajian menunjukkan bahawa *al-Rawd al-Zahir* merupakan karya monumental yang memaparkan maklumat terperinci tentang Sultan al-Zahir Baybars, termasuk aspek politik, ketenteraan, dan pentadbiran. Ibn 'Abd al-Zahir menggunakan sumber lisan (seperti keterangan langsung dari Sultan) dan sumber penulisan (termasuk dokumen rasmi) untuk menyusun karyanya. Namun, terdapat bias dalam penulisan, seperti pengagungan terhadap Sultan dan penyembunyian maklumat negatif. Keciciran dalam manuskrip asal berjaya dilengkapi dengan merujuk kepada manuskrip lain dan karya sejarawan terkemudian. Secara keseluruhan, kitab ini diiktiraf sebagai rujukan utama dalam kajian sejarah Mamluk, meskipun perlu dibaca secara kritis dengan mempertimbangkan konteks dan sumber-sumber tambahan. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang nilai sejarah *al-Rawd al-Zahir* dan kepentingannya dalam historiografi Islam.

Sultan al-Zahir Baybars adalah figure hebat yang muncul di saat memuncaknya pergolakan antara umat Islam, tentera salib dan juga tentera Mongol. Maka bukanlah sesuatu

yang aneh apabila kita dapati begitu banyak karya sejarah yang ditulis berkenaan baginda dan keadaan manusia pada zamannya sama ada yang ditulis secara terperinci mahupun ringkasan. Antara penulisan lengkap berkenaan sejarah Sultan al-Zahir Baybars adalah kitab *al-Rawd al-Zahir Fi Sirat al-Malik al-Zahir* yang dikarang oleh al-Qadi Muhy al-Din Ibn ‘Abd Zahir.

Kitab *al-Rawd al-Zahir Fi Sirat al-Malik al-Zahir* adalah satu karya yang lengkap tentang sejarah Sultan al-Zahir Baybars meliputi segala maklumat berkenaan riwayat hidup, pemerintah Baginda dan keadaan umat Islam khususnya di Mesir dan Syria pada zamannya. Maka, boleh dikatakan bahawa Kitab *al-Rawd al-Zahir Fi Sirat al-Malik al-Zahir* adalah sumber primer bagi Kerajaan Mamluk terutamanya pada zaman pemerintahan Sultan al-Zahir Baybars. Tanpa karya sejarah yang ditulis di dalam kitab ini, nescaya maklumat berkenaan Sultan al-Zahir Baybars berkemungkinan terputus serta bercampur di antara hakikat sejarah yang benar dan cerita-cerita dongeng rekaan. Maka cerita-cerita rekaan ini berpotensi untuk diwariskan serta disampaikan dari generasi ke generasi hingga menutup sejarah yang sebenar. Selain daripada Kitab *al-Rawd al-Zahir Fi Sirat al-Malik al-Zahir*, sumber utama selainnya bagi Kerajaan Mamluk pada era pemerintahan Sultan al-Zahir Baybars adalah Kitab *Tarikh al-Malik al-Zahir* karangan ‘Iz al-Din Ibn al-Shadad serta ringkasan kitab *al-Rawd al-Zahir Fi Sirat al-Malik al-Zahir* yang bertajuk *Husn al-Manaqib al-Sariyyah al-Muntaza’ah Min al-Sirat al-Zahiriyyah* karangan Shafi’ Ibn ‘Ali Ibn ‘Abbas. Ketiga-tiga buah kitab ini memberi sumbangan besar terhadap penulisan sejarah secara terperinci berkenaan Sultan al-Zahir Baybars dan keadaan manusia pada zamannya. Tanpa ketiga-tiga buah kitab ini, nescaya maklumat berkenaan Sultan al-Zahir Baybars terbatas sekadar hanya ringkasan di dalam kitab-kitab sejarah yang umum.

Objektif kajian ini adalah untuk menonjolkan kebitaraan Kitab *al-Rawd al-Zahir Fi Sirat al-Malik al-Zahir* serta elemen-elemen yang melayakkannya diiktiraf sebagai sebuah sumber utama dan berautoriti bagi Kerajaan Mamluk terutamanya ketika tempoh pemerintahan Sultan al-Zahir Baybars. Kajian ini bersifat kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian adalah kajian sejarah. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data dengan fokus diberikan kepada karya sejarah *al-Rawd al-Zahir Fi Sirat al-Malik al-Zahir*. Manakala metode analisis data pula, kajian ini menggunakan metode deskriptif dan metode sejarah melalui analisis kandungan dan interpretasi sumber berdasarkan tafsiran sejarah. Setelah itu, dapatan kajian akan disusun berdasarkan kajian tematik untuk mengenali ketokohan Ibn ‘Abd Zahir melalui kupasan biografi, metodologi penulisan dan manuskrip yang menjadi sumber kepada karya beliau *al-Rawd al-Zahir Fi Sirat al-Malik al-Zahir* yang sampai ke tangan kita pada hari ini. Kajian ini penting diketengahkan supaya dapatan yang diperoleh boleh dijadikan sebagai maklumat untuk pengkajian sejarah dan tamadun Islam di Mesir dan Syria era pemerintahan Kerajaan Mamluk terutamanya pada zaman pemerintahan Sultan al-Zahir Baybars.

## Biografi Muhy al-Din Ibn ‘Abd al-Zahir

Nama lengkap Ibn ‘Abd al-Zahir ialah Al-Qadi Muhyi al-Din, Abu al-Fadl, ‘Abd Allah al-Rashid al-Din, ‘Abd al-Zahir Ibn Nashwan Ibn ‘Abd al-Zahir al-Sa‘di al-Masri (Al-Maqrizi, Suluk 2: 243; Ibn Taghribirdi, al-Nujum 8: 38). Beliau dilahirkan di Kaherah pada tahun 9 Muharram 620H/12 Februari 1223M (Ibn Taghribirdi, al-Nujum 8: 38.). Beliau dibesarkan dengan ilmu pengetahuan dan kelebihan. Ayahnya Rashid al-Din, yang wafat pada tahun 649 Hijrah / 1250 M, adalah seorang guru qiraat di Mesir dan merupakan antara orang yang hebat di dalam seni qiraat al-Quran. Ibn ‘Abd al-Zahir memulai hidupnya dengan menghafal Al-Quran seperti rakan-rakannya serta mempelajari ilmu fekah dan ilmu hadith. Al-Maqrizi menyatakan bahawa antara guru Ibn ‘Abd al-Zahir adalah Jaafar al-Hamdani dan Abdullah bin Ismail.

Beliau terkenal kerana dua perkara yang sangat istimewa: pertama sebagai penulis (*Encyclopaedia of Islam* menterjemahkan Penulis Diwan al-Insha’ sebagai Sekretari Khas. Rujuk: *Encyclopaedia of Islam II*, 679-680) di Dewan al-Insha’ (Gaji bagi jawatan Penulis Dewan al-Insha’ pada zaman Kerajaan Mamluk adalah sebanyak seratus dua puluh dinar. Ini menunjukkan betapa tingginya posisi seorang Penulis Dewan al-Insha’ di sisi Sultan. Syarat untuk menjadi Penulis di Dewan al-Insya’ antarnya: “Wajah bersinar, fasih berbicara, lidahnya lancar, garis keturunannya dikenali di kalangan kaumnya, dihormati oleh orang di sekitarnya, bermaruah dan manis pertuturan, humornya memberi kesan, sabar dan berlemah-lembut. Lihat: Al-Qalqashandi: Subh al-‘Asha: 1:130, Dr. Raghib Al-Sirjani. <https://islamstory.com/ar/artical/23498> .) dan yang kedua sebagai penulis sejarah Sultan al-Zahir Baybars. Dewan al-Insha’ adalah satu lambang kemajuan peradaban Islam yang paling menonjol. Kewujudannya menjadi bukti yang jelas serta menguatkan keunggulan peradaban Islam dalam mewujudkan satu sistem atau peraturan yang memudahkan urusan rakyat serta menekankan identiti Islam.

Beliau berkhidmat sebagai Penulis Dewan al-Insha’ ketika al-Zahir Baybars menjadi sultan. Beliau juga sekurang-kurangnya berkhidmat di Dewan al-Insha’sejak zaman Malik Muzaffar Qutuz dan telah menemanı Sultan Qutuz di dalam peperangan menentang Pasukan Mongol di Syria. Ketika al-Zahir Baybars dilantik menjadi sultan kerajaan Mamluk, beliau segera mendapat kepercayaan Sultan al-Zahir Baybars. Tugas utama yang beliau lakukan selepas pelantikan Sultan al-Zahir Baybars adalah menulis surat yang diutuskan daripada Sultan al-Zahir Baybars kepada Raja Berke iaitu ketua Kabilah *Gold Horde* Mongol. Sultan al-Zahir Baybars sangat mengharapkan agar Berke memeluk agama Islam (Sejarah menulis bahawa beliau akhirnya memeluk Islam). Ibn ‘Abd al-Zahir juga berkhidmat sebagai Penulis Dewan al-Insha’ pada sebahagian dari pemerintahan anaknya iaitu al-Malik al-Salih dan sekurang-kurangnya sebahagian daripada pemerintahan Qalawun. Sebagai contoh, di dalam satu ekspedisi Sultan al-Zahir Baybars ke Syria, beliau telah meletakkan anaknya, al-Malik al-Salih sebagai pemangku di Mesir dan menugaskan Ibn ‘Abd al-Zahir untuk membantu anaknya dalam urusan pentadbiran dan juga urusan selain pentadbiran (Al-Suluk 1/684).

Sejarah yang ditulis oleh Ibn ‘Abd al-Zahir banyak diambil daripada risalah-risalah persuratan secara keseluruhan atau sebahagian, juga diambil dari penulisan-penulisan beliau yang lalu atau surat-surat yang berkaitan dengan urusan politik luar negara seperti perutusan yang ditulis kepada musuh atau risalah perdamaian (Sebagai contoh Ibn ‘Abd al-Zahir menyebutkan bahawa beliau menulis surat atas nama Sultan Baybars yang diutuskan kepada Berke) dan sebahagiannya juga berkenaan urusan dalam negara seperti urusan berkaitan pelbagai majlis-majlis keraian.

Kedudukan Ibn ‘Abd al-Zahir ini menjadikan beliau sentiasa mendampingi dan berhubung langsung dengan Sultan al-Zahir Baybars sehingga beliau sering diberi tugas-tugas khas melaksanakan perkara-perkara penting pada zaman tersebut. Sebagai contoh, telah menjadi kebiasaan Sultan al-Zahir Baybars apabila memenangi sesuatu peperangan maka beliau akan mengarahkan Ibn ‘Abd al-Zahir untuk menyampaikan dan mengisyiharkan berita gembira tentang kemenangan tersebut kepada Hakim Hama (Bandar di Syria). Begitu juga pada awal pemerintahan Sultan al-Zahir Baybars, Ibn ‘Abd al-Zahir telah ditugaskan khas dengan urusan yang lebih penting iaitu sebagai utusan ke ‘Akka (Bandar di Palestin) bagi memeterai perjanjian yang telah disepakati di antara Sultan al-Zahir Baybars dan Hakim di ‘Akka.

Ibn Abd al-Zahir dikurniakan usia melebihi 70 tahun. Beliau meninggal dunia pada 4 Rajab tahun 692H/17 Jun 1293M (<https://islamstory.com/ar/artical/3407761>). Kebanyakan umurnya dihabiskan dengan mencatatkan peristiwa-peristiwa yang disaksikannya di Mesir dan Syria dengan penuh integriti hingga tulisannya menjadi antara rujukan paling utama untuk semua orang yang berurusan dengan sejarah negara Mamluk semasa pemerintahan Sultan al-Zahir Baybars.

## Pandangan Tokoh Sezaman Terhadap Ibn ‘Abd al-Zahir

Para sejarawan yang sezaman dengan Ibn ‘Abd al-Zahir menganggap beliau sebagai sebaik-baik penulis sejarah. Mereka banyak memuji beliau di dalam penulisan mereka berkenaan sejarah Mamluk. Sebagai contoh Ibn Taghribirdi di dalam kitabnya *al-Nujum al-Zahirah* menyifatkan Ibn ‘Abd al-Zahir sebagai ketua para penulis sejarah, pemimpin mereka dan juga antara yang termasyhur di kalangan mereka (Al-Nujum al-Zahirah: 8/38). Ibn ‘Abd al-Zahir amat disayangi oleh orang yang sezaman dengannya. Mereka sangat mengagumi gaya penulisan Ibn ‘Abd al-Zahir. Sebagai contoh, al-Qalqashandi ketika menyedari terdapat kesalahan gelaran yang dilakukan oleh Ibn ‘Abd al-Zahir, beliau segera mempertahankan Ibn ‘Abd al-Zahir dengan menyebut bahawa Ibn ‘Abd al-Zahir adalah seorang penulis sejarah yang boleh dipercayai (Al-Qalqashandi, 10: 160). Sebaliknya, apabila kesalahan yang sama dilakukan oleh Ibn Luqman (Ibrahim bin Luqman bin Ahmad bin Muhammad bin Fadlan, Fakhr al-Din Abu Ishaq, al-Shaibani al-Ish‘irdi), beliau tidak mempertahankan kesalahan tersebut (Al-Qalqashandi, 10: 160).

## Penulisan-penulisan Ibn ‘Abd al-Zahir

Selain daripada *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir*, Ibn ‘Abd al-Zahir turut menghasilkan karya lain iaitu *Tashrif al-Ayyam wa al-‘Usur fi Sirah al-Malik al-Mansur*. Karya ini membincangkan berkenaan sejarah hidup, perjalanan dan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman pemerintahan Sultan al-Malik al-Mansur. Sebahagian daripada juzuk kedua kitab ini ada di Perpustakaan Negara di Perancis dengan nombor rekod 1704.

Jika diperhatikan melalui rujukan penulis-penulis sejarah yang lain, maka dapat difahami bahawa Ibn ‘Abd al-Zahir memiliki pelbagai karya lain seperti *al-Rawdhah al-Bahiyyah al-Zahirah Fi al-Khitat al-Mu‘ziyyah al-Qahirah* sebagaimana yang disebutkan dan dirujuk oleh al-Maqrizi di dalam karyanya *Kitab al-Mawa ‘iz Wa al-I’tibar Bi Zikri al-Khitat Wa al-Athar* (Al-Maqrizi. Khitat al-Maqrizi 1:5, 360). Karya ini juga dirujuk oleh al-Qalqashandi di dalam bukunya *Subh al-A’sha* (Al-Qalqashandi, 3:303, 348, 350 & 364).

Ibn ‘Abd al-Zahir turut memiliki karya sejarah lain yang diberi judul *al-Altaf al-Khafiyyah min sirah al-Sharifah al-Sultaniyyah al-Malakiyyah al-Ashrafiyyah*, iaitu buku tentang sejarah masa pemerintahan al-Ashraf Ibn al-Malik al-Mansur Qalawun.

Ibn ‘Abd al-Zahir juga seorang penulis yang bertanggungjawab dalam bidang perutusan sehingga menjadikan beliau sentiasa berurusan dengan *Hammam al-Barid* (Burung Merpati Pos) yang memain peranan penting dalam urusan berkomunikasi pada ketika itu. Kelebihan ini, digunakan sebaiknya untuk menghasilkan karya beliau yang diberi judul *Tama’im al-Hamma’im* (sebagaimana pandangan al-Qalqashandi) (Al-Qalqashandi, 2: 87, 14:390) atau *Tammam al-Hammam* (sebagaimana pandangan al-Suyuti) (Al-Suyuti, Husn al-Muhadharah fi Akhbar Mishr wa al-Qahirah, 2:221.).

Terdapat dua buah lagi kitab yang dikarang oleh Ibn ‘Abd al-Zahir dalam bidang puisi dan kesusateraan arab iaitu *al-Durr al-Naṣīm Min Tarassul ‘Abd al-Raḥīm* (ed. Ahmad Ahmad Badawī, Cairo, 1959)(Al-Qāhirah: Maktabat Nahḍat Miṣr, 1959) dan *Dīwān al-Qādī Muhyī al-Dīn ‘Abd Allāh Ibn ‘Abd al-Zāhir* (ed. Gharīb Muḥammad ‘Alī Aḥmad, Cairo, 1990) (Al-Qāhirah: t.pt, 1990).

## Perincian Fizikal Manuskip *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir*

Kitab *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir* yang sampai ke tangan kita pada hari ini telah disusun oleh ‘Abd al-‘Aziz al-Khuwaitir melalui dua sumber manuskip yang utama iaitu manuskip *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir* yang terdapat di Perpustakaan al-Fatih di Istanbul, Turki dengan nombor manuskip 4367 dan manuskip Muzium Britain yang direkodkan dengan nombor [tambah] 23331. Jumlah helaian manuskip *al-Rawdh al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir* yang terdapat di Perpustakaan al-Fatih di Istanbul adalah 194 helai, dan setiap helaian ada 2 muka surat dan setiap muka surat ada 17 baris. Manuskip tersebut ditulis

dengan khat Nasakh yang jelas sehingga mudah dibaca. Dapat diandaikan bahawa manuskrip tersebut ditulis sekitar akhir kurun ke-7 atau kurun ke-8 hijrah.

Manuskrip *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir* yang terdapat di Perpustakaan al-Fatih di Istanbul, Turki ini dijadikan sebagai sandaran utama oleh penyusun dan sebarang kekurangan yang terdapat di dalamnya ditampung dengan manuskrip *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir* yang terdapat di Muzium Britain serta sumber-sumber lain yang diperolehi daripada para sejarawan yang datang selepas Ibn ‘Abd al-Zahir melalui catatan yang terdapat di dalam kitab-kitab mereka.

## Keterhadan yang Terdapat di dalam Manuskrip Perpustakaan al-Fatih Istanbul

Hasil penelitian mendapati bahawa terdapat beberapa keciciran pada manuskrip *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir* karya Ibn ‘Abd al-Zahir di Perpustakaan al-Fatih di Istanbul. Sebanyak lebih kurang enam lembaran tercicir pada awal manuskrip dan beberapa lembaran di akhirnya. Terdapat juga keciciran di pertengahan manuskrip namun keciciran tersebut tidak mencacatkan kandungannya. Sekurang-kurangnya satu lembaran tercicir di antara dua muka surat helaian ke lapan, beberapa helaian di antara helaian ke tiga puluh lima, sekurang-kurangnya satu helaian di antara halaman helaian ke tujuh puluh lima, beberapa helaian di antara dua halaman lembaran ke seratus tiga puluh tiga dan beberapa helaian di antara halaman ke seratus lapan puluh lima.

Kekurangan di atas dapat disempurnakan melalui sumber yang saling melengkapinya daripada manuskrip Muzium Britain yang direkodkan dengan nombor: [tambah] 23331. Helaian yang wujud dalam Manuskrip Britain ini adalah sehingga lembaran ke sembilan puluh lapan sahaja dan lembaran terakhir di dalam nuskah ini menyamai helaian ke sembilan puluh lima di dalam nuskah Manuskrip Istanbul.

Adapun kekurangan yang tidak dapat disempurnakan melalui Manuskrip Britain ini, maka usaha melengkapannya dilakukan sebaik yang mungkin melalui buku-buku sejarawan yang terkemudian dari zaman Muhyi al-Din, Ibn ‘Abd al-Zahir yang jelas merujuk kepada beliau. Sebagai contoh, terdapat ayat yang tercicir di halaman ke seratus lapan puluh tiga dan keciciran tersebut dapat ditampung oleh catatan Al-Nuwairi. Sejarawan ini terkenal kerana banyak merujuk kepada kitab *al-Rawd al-Zahir Fi Sirat al-Malik al-Zahir*. Begitu juga keciciran yang terdapat di antara helaian ke seratus lapan puluh lima, dapat ditampung melalui sumber yang wujud di dalam kitab Subh al-A‘sha 14:139, karya al-Qalqashandi. Kitab-kitab ini juga memberi faedah lain iaitu sebagai rujukan perbandingan dan menguatkan sebahagian ayat, kalimat dan nama-nama yang terdapat di dalam kitab *al-Rawd al-Zahir Fi Sirat al-Malik al-Zahir*. Adapun keciciran yang tidak dapat dilengkapkan, jumlahnya terlalu kecil dan ditinggalkan tanpa disempurnakan tetapi disebutkan di setiap tempatnya sebagai rujukan dan perhatian pembaca.

## Tarikh Penulisan al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir

Hasil penelitian yang dilakukan terhadap manuskrip *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir* karya Ibn ‘Abd al-Zahir yang terdapat di Perpustakaan al-Fatih ini, dapat disimpulkan bahawa buku sejarah Baybars ini ditulis pada zaman Pemerintahan Sultan al-Zahir Baybars. Ini kerana pengarang menggunakan perkataan yang membawa maksud doa seperti *nasarahu Allah* (semoga Allah Melindungi) ketika bercakap tentang al-Baybars, dan perkataan *zidat ‘azamatuhu* (moga bertambah kehebatannya) ketika bercakap tentang al-Malik Berke, Ketua Kabilah *Golden Horde* yang hidup sezaman dengan Baybars, begitu juga Ibn ‘Abd al-Zahir sering menggunakan perkataan (maulana) ketika merujuk kepada al-Malik Berke. Selain itu, Ibn ‘Abd al-Zahir sendiri menyebutkan bahawa beliau menulis sejarah ini untuk berkhidmat kepada Perpustakaan Sultan sebagaimana kenyataan berikut: “Aku berkhidmat demi perpustakaan yang makmur ini dengan cara menghimpunkan catatan sejarah ini”.

Sultan al-Zahir Baybars turut membantu pengarang dengan menyalurkan maklumat tentang kehidupan beliau yang lalu sebagaimana yang diisyaratkan oleh Syafi’ bin ‘Ali di dalam *Mukhtasar al-Sirat* (Shafi’bin ‘Ali: 146). Ini membuktikan lagi bahawa buku sejarah ini ditulis pada waktu hayat Sultan al-Zahir Baybars. Melainkan pengarang ada menambah maklumat ke atasnya selepas kematian Sultan al-Zahir Baybars ketika melakukan rujukan ke atasnya.

Maka jelaslah bahawa Ibn ‘Abd al-Zahir sesungguhnya telah menganjurkan maklumatnya berkenaan kejadian-kejadian yang berlaku pada waktu itu secara langsung selepas berlakunya peristiwa tersebut atau ketika keadaan memungkinkan untuk terhasilnya maklumat yang dicari dalam pengetahuannya. Melainkan maklumat yang berlaku pada tempoh masa sebelum al-Zahir Baybars menjadi sultan.

## Gaya Penyusunan *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir*

Ibn ‘Abd al-Zahir pada awalnya menulis buku sejarah ini mengikut susunan tersendiri. Kemudian, mulai tahun 662H, beliau secara berperingkat mula menyusun penulisannya mengikut susunan secara urutan tahunan (*hawliyyat*). Setiap tahun ditulis peristiwa-peristiwa dan kejadian-kejadian yang berlaku pada tahun tersebut. Beliau memelihara susunan secara urutan tahunan tersebut sehingga kematian Sultan al-Zahir Baybars pada tahun 776H. Ibn ‘Abd al-Zahir juga berusaha menyebut berkenaan hari, bulan dan waktu dalam penulisannya secara terperinci sehingga didapati amat jarang beliau tidak menyebutkannya.

Manuskrip ini juga tidak sunyi daripada kesilapan yang mungkin berpunca daripada kesilapan yang dilakukan oleh orang yang menyalin manuskrip tersebut dan bukan daripada pengarang. Sebagai contoh ketika mana Ibn ‘Abd al-Zahir menyusun peristiwa mengikut susunan secara urutan tahunan, kita dapati beliau turut membahagikan peristiwa mengikut susunan tabiatnya dan terkadang disebut di bawah sesuatu tajuk peristiwa yang tiada kena mengena dengannya.

## Sumber Adunan *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir*

Ibn ‘Abd al-Zahir adalah penulis khas kepada Sultan al-Zahir Baybars. Jadi, kedudukan ini memungkinkannya untuk mengumpulkan maklumat yang diperlukan bagi menyusun biografi ini kerana beliau adalah salah seorang dari sejumlah kecil pegawai yang diamanahkan dokumen negara dalam jagaan mereka dan berkesempatan untuk bertemu dengan mereka yang telah mengambil bahagian bersama Sultan dalam pelbagai kempen sama ada yang bersifat ketenteraan atau selain ketenteraan.

Sumber-sumber yang diperolehi oleh Ibn ‘Abd al-Zahir dalam menghasilkan penulisan *al-Rawd al-Zahir Fi Sirat al-Malik al-Zahir* ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu sumber lisan dan sumber penulisan.

### Sumber Lisan

Sumber lisan atau *al-masadir al-shafahiyyah* diperolehi daripada beberapa orang pembesar dan pegawai yang utama dalam jawatan mereka seperti qadi, para menteri dan termasuk Sultan sendiri. Dalam beberapa penulisannya tentang sesuatu kejadian, penulis ada menarik perhatian kepada maklumat yang diperolehnya daripada Sultan. Ibn ‘Abd al-Zahir juga pernah menyatakan bahawa pada suatu ketika Sultan telah menceritakan kepadanya tentang perjalanan yang pernah dilaluinya sebelum baginda menjadi sultan.

Ibn ‘Abd al-Zahir menyampaikan maklumat yang diperolehnya daripada sumber-sumber di atas dengan lafaz seperti berikut: “Sultan memberitahu”, “Sultan berkata kepadaku”, “itulah yang diberitahu oleh Tuanku Sultan”, “Sultan berkata”, “Inilah yang disampaikan kepadaku oleh Atabik”. Teramat jarang Ibn ‘Abd al-Zahir tidak menyebutkan sumber penulisannya melainkan beliau akan menyatakan dengan ungkapan seperti: “telah dikhabarkan kepadaku” atau “telah disampaikan kepadaku”.

### Sumber Penulisan

Sumber penulisan *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir* diperolehi daripada para penulis yang datang sebelum zaman Ibn ‘Abd al-Zahir. Maka ada kalanya didapati Ibn ‘Abd al-Zahir menyebutkan nama pengarang dan bukunya dan memberikan maklumat yang dikutip dengan mengatakan, sebagai contoh berikut: “al-Balazari mengatakan dalam bukunya *Futuh al-Buldan*”, “al-Ramli telah menceritakan di dalam bukunya *Futuh al-Sham*”, “maka kami sebutkan apa yang telah dinukilkan oleh Ibn Hamdun di dalam bukunya *al-Tadkirat*. Ada kalanya beliau tidak menyebutkan nama pengarangnya seperti katanya: “telah berkata pengarang *al-Sirat*: aku telah melihat apa yang tertulis di dalam *Sirat al-Hakim* bahawa pengarangnya berkata”. Ada kalanya juga Ibn ‘Abd al-Zahir tidak menyebutkan nama kitab sebagai contoh katanya: “dan telah berkata al-Balazari daripada para gurunya”.

Terdapat beberapa keadaan di mana Ibn ‘Abd al-Zahir menukilkan penulisannya daripada sumber dokumen yang dianggap tidak wujud seperti dokumen berkenaan waqaf yang beliau nyatakan ketika membicarakan tentang sejarah (Universiti) Al-Azhar dengan mengatakan: “menurut apa yang telah dijelaskan di dalam kitab wakaf, dan aku melihat salinannya ada di sisi Najm al-Din Ibn al-Hay, dan sekarang, salinan ini telah diserahkan kepada Qadi al-Qudat Taqi al-Din Ibn Razin al-Hamwi.

Melalui contoh di atas, maka jelaslah bahawa Ibn ‘Abd al-Zahir ketika menukilkan sumber penulisan yang diambil daripada kitab-kitab terdahulu, bersungguh-sungguh menyebutkan nama pengarang atau nama kitab. Amat jarang beliau berpada dengan lafaz yang membawa maksud yang samar seperti perkataan “*qila*” yang bermaksud “dikatakan” atau “*qala ba ‘dahum*” yang bermaksud “telah berkata sebahagian daripada mereka”, atau “*wa qala ghayruhu*” yang bermaksud “dan telah berkata yang lainnya”. Semua lafaz ini membawa maksud sesuatu yang datang daripada sumber yang samar atau tidak jelas.

Perlu diambil perhatian bahawa frasa “*ashab al-akhbar*” yang berulang-ulang kali disebutkan oleh Ibn ‘Abd al-Zahir di dalam kitabnya boleh membawa kepada penafsiran yang pelbagai.

## **Gaya Penulisan Ibn ‘Abd al-Zahir dalam Kitabnya *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir***

Ibn ‘Abd al-Zahir terkenal di kalangan orang yang sezaman dengannya sebagai seorang penulis yang memiliki gaya bahasa yang tinggi dan istimewa. Ini diakui bahwasanya para penulis yang muncul bertepatan setelah Ibn ‘Abd al-Zahir tidak mencapai tahap penulisan yang tinggi sebagaimana beliau dan mereka sentiasa berusaha untuk mengikuti dan meniru jejak Ibn ‘Abd al-Zahir dalam penulisan.

Walaupun Ibn ‘Abd al-Zahir terkenal dengan penulisan sastera yang mengutamakan gaya bahasa yang tinggi, namun beliau menyedari bahawa penulisan sejarah adalah berbeza daripada penulisan sastera atau penulisan dokumen rasmi. Ini dapat dibuktikan apabila beliau cuba menukilkan sesuatu yang pernah ditulisnya daripada dokumen-dokumen rasmi ke dalam penulisan sejarah, maka beliau mengubah frasanya menjadi susunan bahasa yang mudah difahami. Begitu juga yang beliau lakukan ketika menukilkan dokumen-dokumen rasmi yang dipetik daripada penulis selain beliau.

Maka hasilnya, kita dapat bahawa gaya Ibn ‘Abd al-Zahir dalam penulisan sejarah sunyi daripada lantunan bahasa yang tinggi dan berbunga-bunga sebagaimana yang dapat dilihat dalam kebiasaan penulisan beliau selain daripada bidang sejarah.

Namun di sebalik gaya bahasa yang mudah, terdapat beberapa kelemahan yang nyata dalam gaya penulisan Ibn ‘Abd al-Zahir. Antara kelemahan yang dapat dikesan ialah terdapat susunan penceritaan yang tidak saling berhubung sehingga menyusahkan pembaca untuk menemui hubungan antara satu ayat dengan ayat yang lain. Sebagai contoh, ketika Ibn ‘Abd al-Zahir cuba untuk mendalam sebahagian lafaz perkataan ‘*ammiyyah* (dialek bahasa

kampung) ke dalam bahasa arab *fushah* (bahasa rasmi arab) sehingga membawa kepada penceritaan yang meleret-leret hingga memungkinkan pembaca kehilangan punca dan memahami sesuatu ayat jauh daripada makna sebenar yang dimaksudkan oleh pengarang.

## **Nilai Sejarah dalam *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir***

Sekiranya kita menerima bahawa naskah *al-Rawd al-Zahir Fi Sirat al-Malik al-Zahir* ini sebagai satu manuskrip yang sempurna dan memberi gambaran yang lengkap terhadap sejarah Sultan al-Zahir Baybars yang disusun oleh Ibn ‘Abd al-Zahir, maka isu kandungannya boleh dianggap meliputi maklumat penting yang sewajarnya direkodkan dari sudut pandang mereka yang sezaman dengannya.

Nilai karya Ibn ‘Abd al-Zahir ini tidak diukur sekadar hanya sebuah penulisan sejarah lengkap Sultan al-Zahir Baybars, akan tetapi ia juga dinilai sebagai sebuah karya yang memenuhi sebahagian keistimewaan yang menonjol (iaitu hanya Ibn ‘Abd al-Zahir yang mampu menghasilkannya kerana kedudukannya yang rapat dengan istana dan Sultan) yang menjadikannya lebih penting berbanding buku-buku terjemahan bibliografi secara umum atau terjemahan bibliografi Sultan al-Zahir Baybars secara khusus.

Walaupun beliau seorang penulis sejarah bagi sultan, terdapat juga kelemahan-kelemahan yang nyata dalam penulisannya disebabkan oleh hubungannya dengan sultan dan kelemahan ini boleh dibahagikan kepada beberapa jenis. Pertama, maklumat yang diyakini bahawa ia adalah rekaan Ibn ‘Abd al-Zahir semata-mata. Sebagai contoh ketika bercerita tentang kematian Sultan Muzaffar Qutuz dan suasana yang mendorong kepada pelantikan Baybars, Ibn ‘Abd al-Zahir telah menguatkan bahawa orang yang terlibat dalam melakukan pembunuhan terhadap Sultan Muzaffar Qutuz adalah sepenuhnya dilakukan oleh Baybars seorang diri dan beliau tidak dibantu oleh sesiapapun. Sedangkan sejarawan Shafi‘ Ibn ‘Ali menyebutkan bahawa Baybars dibantu oleh orang lain.

Kedua, maklumat yang disembunyikan oleh Ibn ‘Abd al-Zahir walaupun ia mengetahuinya. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kedudukan beliau sebagai penulis rasmi kepada Sultan. Antara sebab maklumat ini disembunyikan adalah kerana ianya mengandungi kelemahan. Sebagai contoh, terdapat sejarawan memaparkan maklumat yang terlalu mengagungkan Sultan al-Zahir Baybars dan maklumat ini diketahui oleh Ibn ‘Abd al-Zahir adalah maklumat yang tidak benar. Namun demi untuk menjaga hubungan dan kredibiliti beliau di hadapan sultan, Ibn ‘Abd al-Zahir tidak menyebut maklumat sebenar dengan membiarkan maklumat yang tidak benar berlebar dalam buku sejarah yang lain. Keadaan inilah yang dimaksudkan memadam maklumat sebenar tentang kelemahan Sultan dengan membiarkan maklumat tidak benar disebut. Hal ini telah didedahkan oleh Shafi‘ Ibn ‘Ali berkenaan beberapa maklumat penting yang mungkin dipadam oleh Ibn ‘Abd al-Zahir sebagai contoh maklumat berkenaan susur galur nasab Sultan al-Zahir Baybars.

Ketiga, mengumumkan hakikat yang samar yang mana jika kebenaran itu diketahui akan memburukkan sultan. Sebagai contoh, sebab pertelingkahan yang berlaku antara Sultan Muzaffar Qutuz dan Sultan al-Zahir Baybars dan berakhir dengan kematian Sultan Muzaffar Qutuz. Kisah tersebut tidak dinyatakan secara terperinci oleh Ibn ‘Abd al-Zahir bagi melindungi Sultan al-Zahir Baybars.

Keempat, penulisan yang bergantung di atas persetujuan Sultan al-Zahir Baybars, iaitu sebahagian penulisan yang ditulis berdasarkan penyeliaan. Perkara ini berlaku apabila sultan memanggil Ibn ‘Abd al-Zahir dan kemudian meangarahkan beliau untuk menulis sesuatu berdasarkan arahan tersebut. Keadaan ini menyebabkan Ibn ‘Abd al-Zahir berada dalam situasi terdesak dimana beliau tidak mampu merekodkan sesuatu melainkan maklumat yang dipersetujui oleh Sultan. Namun keadaan ini tidak berterusan kerana setelah kematian Sultan al-Zahir Baybars, maklumat tersebut dapat diperbetulkan semula oleh Ibn ‘Abd al-Zahir.

Kelima, Ibn ‘Abd al-Zahir tidak konsisten dalam memberikan gambaran terhadap sesuatu peristiwa di dalam penulisannya. Sebagai contoh, beliau ada menceritakan berkenaan satu situasi di mana dua orang lelaki telah menyerahkan kepada Sultan al-Zahir Baybars dokumen berkaitan kes tertentu, namun cerita tersebut tidak ada perincian yang jelas, terdapat maklumat tentang cerita tersebut tidak dijelaskan dengan terperinci hingga menimbulkan tanda tanya kepada pembaca.

Keenam, Ibn ‘Abd al-Zahir meletakan sebahagian maklumat bukan pada tempatnya sehingga menyebabkan pembaca merasakan bahawa maklumat tersebut diletakkan atas faktor-faktor luar yang tersembunyi. Oleh yang demikian, percubaan untuk mencari hubung kait antara penceritaan sebelum dan selepasnya mengandungi penafsiran yang pelbagai.

## **Ulasan Berkenaan *al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir***

Penulis-penulis sejarah kesultanan Mamluk telah berusaha sedaya upaya memaparkan maklumat yang tepat dan mereka menjadikan kitab *al-Rawd al-Zahir Fi Sirat al-Malik al-Zahir* sebagai sumber asas ketika membicarakan berkenaan sejarah dan biografi Sultan al-Zahir Baybars. Sebahagian daripada mereka menaqalkan secara keseluruhan dan ada juga yang meringkaskannya seperti yang dilakukan oleh sejarawan Shafi’ Ibn ‘Ali. Perkara penting yang memberi nilai tambah kepada karya ini adalah penerimaan dan pengiktirafan para sejarawan yang sezaman dengan Ibn ‘Abd al-Zahir.

Tidak bermakna semua maklumat tentang Sultan al-Zahir Baybars disebut oleh Ibn ‘Abd al-Zahir. Terdapat juga maklumat-maklumat dalam kitab-kitab yang terkemudian yang tidak kurang pentingnya daripada apa yang di sebutkan oleh Ibn ‘Abd al-Zahir. Perkara seperti ini melengkapkan lagi gambaran hidup Sultan al-Zahir Baybars. Sebagai contoh, sejarawan Shafi’ ibn ‘Ali mendatangkan beberapa kisah yang mempunyai nilai yang amat penting namun tidak disebutkan oleh Ibn ‘Abd al-Zahir di dalam kitabnya. Keadaan seperti ini dapat menonjolkan pendirian Ibn ‘Abd al-Zahir terhadap kisah tersebut. Ini bermakna, sejarawan selepas Ibn ‘Abd al-Zahir terpaksa melaporkan tentang pendirian Ibn ‘Abd al-Zahir apabila

menulis tentang sejarah Sultan al-Zahir Baybars yang tidak dinyatakan oleh Ibn ‘Abd al-Zahir. Sedangkan pendirian itu tidak kelihatan jika ianya tidak dinyatakan. Keadaan ini memberi nilai tambah kepada karya *Al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir*.

## Kesimpulan

Setelah merujuk kepada perbahasan di atas, dapat disimpulkan bahawa *Al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir* karya Ibn ‘Abd al-Zahir merupakan karya monumental yang baik dan dihasilkan oleh sejarawan yang dekat dengan kehidupan Sultan al-Zahir Baybars. Kerjaya sebagai setiausaha sulit kepada sultan telah membantu Ibn ‘Abd al-Zahir menghasilkan catatan sejarah yang tidak mungkin dapat diperolehi oleh sejarawan lain. Maka karya ini dapat disifatkan begitu signifikan, terpenting dan rujukan utama serta berautoriti buat semua pengkaji sejarah Kerajaan Mamluk terutamanya pada era pemerintahan Sultan al-Zahir Baybars.

## Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

## Penghargaan

Penulis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) atas tajaan melalui Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) serta kepada jawatankuasa penyeliaan dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah memberikan bimbingan sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan.

## Rujukan

- Ibn ‘Abd al-Zahir, Muhyi al-Din. 1902. *Al-Altaf al-Khafiyah min Sirah al-Sharifah al-Sultaniyyah al-Malakiyyah al-Ashrafiyyah*. Lund: Moeller.
- Ibn ‘Abd al-Zahir, Muhyi al-Din. 1959. *Al-Durr al-Nazīm Min Tarassul ‘Abd al-Rahīm* (ed. Ahmād Ahmād Badawī). Al-Qahirah: Maktabat Nahḍat Miṣr.
- Ibn ‘Abd al-Zahir, Muhyi al-Din. 1961. *Tashrif al-Ayyam wa al-‘Usur fi Sirah al-Malik al-Mansur wa Tatanawalu al-Hiqbah Ma Bainā Sanatay 678-689H*. Al-Qahirah: Al-Sharikah al-‘Arabiyyah li al-Tiba‘ah wa al-Nashr.
- Ibn ‘Abd al-Zahir, Muhyi al-Din. 1976. *Al-Rawd al-Zahir fi Sirat al-Malik al-Zahir* (ed. ‘Abd ‘Aziz bin ‘Abd Allah al-Khuwaitir). Al-Riyadh: t.pt.
- Ibn ‘Abd al-Zahir, Muhyi al-Din. 1990. *Dīwān al-Qādī Muḥyī al-Dīn ‘Abd Allāh Ibn ‘Abd al-Zāhir* (ed. Gharīb Muḥammad ‘Alī Ahmād). Al-Qahirah: t.pt.
- Ibn ‘Abd al-Zahir, Muhyi al-Din. 1996. *al-Rawdhah al-Bahiyyah al-Zahirah Fi al-Khitat al-*

*Mu‘ziyyah al-Qahirah* (ed. Aiman Fu‘ad Sayyid). Al-Qahirah: Maktabat al-Dar al-‘Arabiyyah li al-Kitab.

Ibn Taghribirdi, Jamal al-Din Abi al-Mahasin Yusuf. 1950. *Al-Nujum al-Zahirah fī Muluk Misr Wa al-Qahirah*. Al-Qahirah: Matba‘ah Dar al-Kutub al-Misriyyah.

Encyclopaedia of Islam II, 1972.

Encyclopaedia of Islam III, 2017.

al-Qalqashandi, Abi al-‘Abbas Ahmad. 1913. *Subh al-‘Asha*. Al-Qahirah: Matba‘ah al-Amiriyyah.

al-Maqrizi, Taqy al-Din Ahmad bin ‘Ali. 1936. *Kitab al-Suluk li Ma‘rifat Duwal al-Muluk*. Juz. 2. Al-Qahirah: Matba‘ah Dar al-Kutub al-Misriyyah.

al-Maqrizi. Ahmad bin ‘Ali. 1906. *Kitab al-Khitat al-Maqriziyyah*, Juz. 1. Al-Qahirah: Matba‘ah al-Nil.

al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman. 1967. *Husn al-Muhadharah fi Tarikh Misr wa al-Qahirah* (ed. Ibrahim, Muhammad Abu al-Fadhl). Al-Qahirah: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah

Shafi‘ bin ‘Ali. 1989. *Husn al-Manaqib al-Sariyyah al-Muntaza ‘ah Min al-Sirah al-Zahiriyyah* (ed. ‘Abd ‘Aziz bin ‘Abd Allah al-Khuwaitir). Al-Riyadh: t.pt.

ديوان-الإثناء-في-صور-الإسلام-المختلف .

<https://islamstory.com/ar/artical/23498> . ابن-عبد-الظاهر/